

Harian METRO

TARIKH	24 / 10 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30	RUANGAN	Setempat

Bertuah usung jenazah jemaah haji

Sepang: "Tiaða dugaan dan cabaran getir dihadapi ketika berada di sana (Makkah), namun saya bertuah berkesempatan mengusung tiga mayat jemaah haji negara lain yang meninggal dunia ketika menunaikan ibadah haji," kata Noorazmi Mansor, 58, jemaah haji Program Khas 'Haji YAB Perdana Menteri 2013 yang selamat tiba di tanah air malam kelmarin.

Noorazmi bersama 392 jemaah haji lain tiba dengan selamat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan pesawat Saudi Airlines disambut oleh Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk Jailani Ngah yang juga penggerusi program khas haji berkenaan.

Dia yang ditemui di Balai Ketibaan Antarabangsa KLIA malam kelmarin berkata, dia menyifatkan kesempatan mengusung dua mayat lelaki dan seorang wanita itu sebagai satu pengamalan yang menyayat hati, katanya.